

BH 23 MAR 2002

Menteri Luar wakili Palestin ke sidang keganasan

KUALA LUMPUR, Jumaat
— Menteri Luar Palestin Farouk Kaddumi akan mengetuai delegasi kerajaan Palestin ke Mesyuarat Menteri Luar Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) Mengenai Keganasan yang akan diadakan di sini awal bulan depan.

Duta Besar Palestin ke Malaysia Ahmad Al-Farra berkata Kaddumi akan mengetuai delegasi empat atau lima anggota ke mesyuarat tiga hari itu.

Ahmad berkata delegasi Palestin akan memberi penjelasan kepada negara anggota OIC bahawa penentangan mereka terhadap Israel adalah satu perjuangan pembebasan, selaras dengan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

“Penentangan kami terhadap Israel bukannya keganasan tetapi terjamin secara sah di sisi undang-undang oleh Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Ia bukannya dalam kategori itu (keganasan) . . . ia adalah perjuangan yang adil dan pembebasan terhadap penjajahan Israel,” katanya kepada Bernama dalam satu temu bual melalui telefon di sini hari ini.

Israel menuduh Presiden Palestin Yasser Arafat sebagai tidak melakukan se-cukupnya untuk mengawal keganasan dan aktiviti militan, sesuatu yang dinafikan oleh Arafat.

Sekurang-kurangnya 1,086 warga Palestin dan 355 warga Israel terbunuh dalam tempoh 17 bulan intifada Palestin terhadap pendudukan Israel di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza.

Ahmad juga berkata pihaknya memohon bagi diadakan perjumpaan antara Farouk dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Duta itu turut ditanya mengenai sama ada Palestin akan mengemukakan usul untuk membincangkan perkembangan terkini di Asia Barat.

“Tidak..kami tidak akan membangkitkan sebarang isu, kami akan mengikut agenda tetapi pastinya semasa perbincangan akan terdapat pelbagai isu berkaitan,” katanya.

Mesyuarat itu diadakan dari 1 April hingga 3 April dengan harapan untuk merumuskan satu deklarasi mengenai keganasan dan mendesak masyarakat dunia untuk mengadakan persidangan antarabangsa mengenai keganasan di bawah naungan PBB. Pendirian Malaysia terhadap keganasan ialah bahawa isu itu perlu diperhalusi melalui apakah yang didefinisikan sebagai keganasan dan puncanya. •
Bernama